

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

KENYATAAN MEDIA

JPN JOHOR TANGANI ISU TULAR PELAJAR DIMINTA BERHENTI SEKOLAH, TEKAD TINGKATKAN USAHA BAGI MENJAMIN HAK MENDAPAT PENDIDIKAN TERBAIK UNTUK SEMUA

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor prihatin terhadap isu tular mengenai seorang pelajar Tingkatan Enam di sebuah sekolah di negeri ini yang didakwa telah diminta untuk berhenti sekolah.

Pelajar berkenaan telah mengambil keputusan untuk berhenti sekolah atas faktor kesihatan. Dakwaan berkenaan kelemahan pihak sekolah dalam menguruskan perkara ini sedang disiasat.

JPN Johor menegaskan peluang untuk mendapatkan pendidikan terbaik adalah hak setiap murid. Pentadbir sekolah, guru serta pegawai di pejabat pendidikan daerah dan jabatan pendidikan negeri diseru untuk meningkatkan usaha bagi memastikan aspek kesejahteraan dan kebajikan murid terpelihara.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
5 DISEMBER 2025**